

# Dua polis pengiring PM cedera ringan

**PONTIAN:** Dua polis pengiring yang terlibat dalam kemalangan ketika bertugas mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam hanya mengalami kecederaan kecil.

Ketua Polis Daerah, Superintenden Mohammad Shofee Tayib berkata, pelanggaran kecil itu melibatkan motosikal Kawasaki GTR dan Honda ST yang berlaku di persimpangan Pekan Benut pada pukul 9.55 pagi.

Katanya, ketika tiba di lokasi kejadian, motosikal pengiring pertama berhenti di persimpangan itu bagi tugas penolakan kenderaan, sebelum tiba-tiba motosikal pengiring kedua tidak sempat mengelak lalu melanggarnya.

"Kerosakan yang dialami melibatkan kotak tepi sebelah kiri pecah, bar penahan sebelah kiri bengkok manakala kecederaan anggota adalah di bahagian kaki kiri bagi pengiring pertama.

"Pengiring kedua pula mengalami luka-luka kecil, sakit di seluruh badan termasuk ba-



**ISMAIL Sabri Yaakob melihat keadaan salah seorang polis pengiring yang terlibat dalam kemalangan di simpang Pekan Benut, Pontian, Johor. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

hagian pinggang dan dihantar ke Klinik Kesihatan Benut bagi rawatan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini.

Perdana Menteri yang tiba selepas itu turun bagi melihat kea-

daan anggota polis terbabit sebelum meneruskan perjalanan ke Kompleks Muafakat Sungai Pinggan setelah keadaan terkawal.

Ismail Sabri ketika itu dalam perjalanan menghadiri Maj-

lis Pelancaran Kolej Komuniti Satelit @ Pontian yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Ir. Hasni Mohammad dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.